

# Suami isteri jadi pengedar dicekup, dadah RM2 juta dirampas

**IPOH** – Sepasang suami isteri dipercayai pengedar dadah diberkas bersama 20.7 kilogram (kg) dadah bernilai RM2.06 juta dalam serbuan berasingan di sini pada Khamis lalu.

Lelaki berusia 34 tahun dan isterinya warga Vietnam berusia 38 tahun ditahan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah

Narkotik (JSJN) Perak pada pukul 4.40 petang.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, suspek lelaki ditahan di kawasan tempat letak kereta di Jalan Raja Musa Mahadi dan pemeriksaan di dalam kenderaannya menemui 10 bungkusan plastik berisi methamphetamine seberat 10.3kg.

“Susulan tangkapan itu, polis menahan isteri lelaki itu di tepi jalan di Panorama Lapangan Perdana. Pemeriksaan ke atas sebuah kereta di sebuah pangsapuri di daerah ini menjumpai bungkusan plastik berisi dadah.

“Nilai rampasan dadah bagi kedua-dua tangkapan itu adalah RM2.06 juta,” katanya pada si-

dang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini semalam.

Menurut beliau, ujian saringan air kencing mendapati, hanya suspek lelaki positif methamphetamine. Pasangan suami isteri itu tiada rekod jenayah dan dadah.

Pasangan itu disyaki aktif mengedar dadah sejak tiga bulan

lalu. Jumlah dadah yang dirampas boleh digunakan oleh kira-kira 200,000 penagih.

Mereka direman tujuh hari untuk siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Turut disita jam tangan jenama Rolex, seutas rantai kaki, sebutuk cincin dan seutas gelang berserta loket bernilai RM83,315.